

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

RPE 334 - Kaedah Analisa Perancangan I

Tarikh: 1 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja

1. Berapa model dan teknik digunakan untuk unjuran kependudukan.

(a) Nyatakan 5 daripada model dan teknik-teknik tersebut.

(5 markah)

(b) Huraikan ciri-ciri dan kelemahan model dan teknik-teknik yang disebutkan di dalam Bahagian (a)

(20 markah)

...2/-

2. Maklumat-maklumat penduduk bandar A adalah seperti berikut:

Kumpulan umur	Kadar* Kehidupan		Kadar* kelahiran hidup	Saiz kohort lelaki (1000)	Saiz kohort perempuan (1000)
	Lelaki	Perempuan			
0 - 14	0.85	0.90	-	15	15
15 - 29	0.75	0.80	0.85	18	18
30 - 44	0.65	0.70	1.90	12	12
45 - 59	0.50	0.60	-	7	7
60+	0.20	0.40	-	3	3

Jumlah penduduk = 100,000

* Kadar-kadar ialah untuk jangkamasa 10 tahun

(a) Unjurkan:

- (i) Bilangan bayi yang dijangka dilahirkan di antara 1980 - 1990.

(6 markah)

- (ii) Bilangan penduduk mengikut kumpulan umur dan jantina pada tahun 1990.

(6 markah)

- (iii) Jumlah penduduk pada tahun 1990.

(6 markah)

- (b) Mengapakah model atau kaedah penghidupan kohort digunakan?

(7 markah)

3. Untuk menentukan permintaan (a) perumahan dan (b) membeli-belah, anda dikehendaki membuat unjuran berdasarkan maklumat-maklumat berikut:

(a) Perumahan

P	=	Jumlah pertambahan penduduk	=	500
Hs	=	Saiz purata isi rumah	=	5.2
K	=	Jumlah isi rumah	=	1500
S	=	Stok perumahan sedia ada	=	1400
r	=	Kadar gantian setahun	=	2%
t	=	Bilangan tahun	=	6

(12½ markah)

(b) Membeli-belah

S	=	Aktiviti membeli-belah yang dilakukan	=	?
I	=	Pendapatan yang dibelanjakan sebulan untuk membeli-belah	=	\$150/-
y	=	Anggaran pendapatan perkapita sebulan	=	\$600/-
K	=	Jumlah penduduk	=	2500
T	=	Anggaran purata pulangan untuk setiap kedai setiap bulan	=	\$1500/-

* Beberapa andaian perlu dipertimbangkan.

(12½ markah)

...4/-

4. Jawab soalan (a) atau (b)

(a) Bincangkan maksud dan tujuan-tujuan berikut:

(i) Menganalisis data dan maklumat perancangan.

(ii) Analisis matriks pencapaian matlamat.

(12½ markah)

(b) Bincangkan maksud dan tujuan-tujuan berikut:

(i) Menilai pelan-pelan strategi.

(ii) Analisis perancangan Imbangan Duga.

(12½ markah)

5. Berasaskan formula dan contoh-contoh, sebut dan huraikan perkara-perkara berikut di dalam konteks penganalisaan perancangan.

(1) Frekuensi

(4 markah)

(2) Median (Penengah)

(4 markah)

(3) Purata (Min)

(4 markah)

(4) Sisihan lazim

(6 markah)

(5) Korrelasi

(7 markah)

...5/-

6. (a) Terangkan maksud Pengurusan Data .

(5 markah)

(b) Bincangkan bagaimana pemprosesan data untuk menganalisa perancangan dapat dilakukan dengan menggunakan:

(i) Sistem dBase III

atau

(ii) Sistem SAS atau SPSS

(12 markah)

(c) Bincangkan penggunaan aturcara komputer di dalam penganalisaan perancangan.

(8 markah)

7. Analisis kos manfaat merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan untuk penganalisan dan juga sebagai asas pemilihan pelan untuk dilaksanakan.

(a) Dengan memberikan contoh, huraikan maksud kos pembangunan.

(5 markah)

(b) Berdasarkan pelan fasa dan program perbelanjaan dan pendapatan, tunjuk serta huraikan maksud Analisis Aliran Tunai.

(10 markah)

(c) Berdasarkan formula dan contoh, terangkan ciri-ciri analisis kos manfaat.